GLOSARI STATUS DAN PANDUAN PENGISIAN

Kod	Status pada masa pemeriksaan	Panduan penentuan dan catatan
A	Sedang digunakan	- Aset sedang digunakan untuk operasi. - Aset kembali digunakan selepas pembaikan selesai. Catatkan tarikh siap pembaikan.
B	Tidak digunakan	- Aset wujud dan boleh digunakan tetapi belum atau tidak digunakan. - Aset rosak yang tidak digunakan hendaklah direkodkan di bawah status C – Rosak / Perlu Pembaikan.
C	Rosak / Perlu Pembaikan / Proses Pelupusan	- Aset mengalami kerosakan dan belum dibaiki atau belum berfungsi selepas pembaikan. Catatkan kerosakan dan tindakan dicadangkan. - Aset masih rosak / perlu pelupusan / pelupusan belum selesai (menunggu pelaksanaan / kelulusan pelupusan) hendaklah direkodkan di bawah status C – Rosak / Perlu Pembaikan / Proses Pelupusan. Catatkan proses pelupusan. - Aset yang mengalami perubahan teknologi atau usang yang perlu dilupuskan / menunggu proses pelupusan.
D	Sedang diselenggara	Aset masih dalam proses penyelenggaraan / pembaikan belum selesai / telah selesai pembaikan tetapi belum diuji fungsi. Catatkan lokasi, penyedia perkhidmatan dan rujukan dokumen. - Aset telah selesai diselenggara hendaklah direkodkan di bawah status sama ada A atau B atau C mengikut keadaan semasa.
E	Pinjaman	Aset dipinjam secara sah dan mempunyai rekod peminjam serta lokasi. Catat tarikh pulang Jika aset dipinjam ini rosak catatkan rosak / perlu selenggara / perlu pembaikan.
F	Hilang	Kehilangan telah dikenal pasti dan dilaporkan melalui proses kehilangan yang berkenaan. Tidak perlu menunggu kelulusan hapus kira untuk merekod F. Catatkan rujukan laporan dan peringkat tindakan.
G	Tidak dapat dikesan	Aset berdaftar tidak ditemui. Lokasi belum dapat dipastikan dan kehilangan belum dikenal pasti. Catatkan usaha carian dan pihak yang mengendalikan tindakan lanjut.
H	Telah dilupuskan	Pelupusan secara fizikal telah selesai tetapi aset masih wujud dalam senarai. Perlu disokong dengan dokumen kelulusan pelupusan dan nombor kelulusan mesyuarat.